

27 JUN 1998

GERAKAN-MEMORANDUM

GERAKAN SERAHKAN CADANGAN KE ARAH PEMULIHAN EKONOMI

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Parti Gerakan Rakyat Malaysia hari ini menyerahkan beberapa cadangan yang terkandung dalam memorandum ke arah pemulihan ekonomi negara kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Memorandum tersebut, yang disediakan oleh biro penyelidikan dan ekonomi negara parti itu, telah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional ke 27 Gerakan di sini hari ini. Dr Mahathir adalah pengerusi MTEN.

Antara lain, parti itu menggesa diadakan ketanggungjawapan dan ketelusan dalam rumusan dasar dan membuat keputusan, yang akan mengurangkan khabar-khabar angin yang tidak berasas.

Perhubungan antara politik dan perniagaan seharusnya dipisahkan dan politik tidak seharusnya diperdagangkan dan perniagaan pula tidak harus dipolitikkan.

Dalam hal pinjaman bank, sering kali pasaran kewangan diselubungi khabar-khabar angin yang kononnya sebahagian daripada pinjaman itu disalurkan berdasarkan pada hubungan politik lebih daripada kemampuan kewangan dan daya maju projek, menurut memorandum itu.

Satu isu lagi ialah penyerahan kontrak penswastaan kepada firma-firma yang mempunyai perhubungan politik. Isyarat yang diberikan ialah hubungan politik diambil kira lebih daripada kemampuan dan keupayaan keusahawanan, menurut memorandum Gerakan itu.

Satu lagi cadangan ialah rangka kerja dasar bagi promosi industri, perdagangan, perniagaan dan kewangan perlulah telus, stabil dan konsisten.

Gerakan juga berharap pemilikan ekuiti selanjutnya dilonggarkan syarat lagi dan peraturan ekuiti seperti yang ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru perlu dilonggarkan.

-- BERNAMA

SHO MA